



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar
Registrar's Department

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5033
e-mel: pendaftar@umpsa.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA. 100-1/3/1 (16)
Tarikh : 24 Mac 2025

Senarai edaran seperti lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2025 MENGENAI
BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 3 Tahun 2025 mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.
3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perkhidmatan dan Saraan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar:

Pn. Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali
Pegawai Tadbir / Eksekutif
Tel : 09-431 6363
E-mel : liza@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(HELMI BIN MOHAMED ISA)
Pengurus Kanan
Bahagian Pengurusan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Dr. Yatimah binti Alias**
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL.3 TAHUN 2025

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima surat edaran kerajaan berkenaan pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025 kepada staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) di Gred 15 ke bawah dan setara dengannya.

LATAR BELAKANG

- 2.0 Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 dibayar kepada Penjawat Awam di Gred 15 dan ke bawah sebanyak RM500.00 dan turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen serta staf lantikan *Contract of Service* (COS) sebanyak RM250.00.
- 3.0 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4 Tahun 2019 yang telah diadakan pada 24 November 2019, telah bersetuju bahawa semua keputusan pembayaran Bantuan Khas Kewangan oleh kerajaan boleh diguna pakai dan pembayaran hendaklah dibuat mengikut masa yang ditetapkan.

PELAKSANAAN

4.0 Pegawai yang layak.

4.1. Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 15 ke bawah atau setara masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 seperti berikut:

- a) Pegawai lantikan tetap, sementara dan kontrak (*Contract of Service* dan Pekerja Sambilan);
- b) Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- c) Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- d) Pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- e) Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya, yang mana BKKA ini akan di bayar oleh agensi yang meminjam pegawai berkenaan.

4.2. Personel MySTEP yang masih berkhidmat;

4.3. Guru Interim;

4.4. pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan

4.5. pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.

5.0 Pesara

5.1. Pembayaran BKKA Tahun 2025 ini turut dipanjangkan kepada pesara kerajaan, veteran pencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM250.00 seperti berikut:

- a) Pesara kerajaan yang menerima pencen termasuk pesara pilihan yang belum menerima pencen, penerima pencen

terbitan di bawah undang-undang pencen, dan pesara skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/ 56/ 58/ 60 tahun) atau bersara Atas Sebab Kesihatan (ASK). Pembayaran BKKA akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan

b) veteran berpencen dan tidak berpencen yang mana akan dibayar oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Kementerian Pertahanan Malaysia.

5.2. Bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara dan COS yang masih berkhidmat layak dibayar sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA atau JHEV, dan baki sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

6.0 Pegawai yang meninggal dalam perkhidmatan

6.1. Pegawai yang meninggal dunia pada 27 Mac 2025 layak diberi BKKA sebanyak RM500.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

7.0 Pembayaran ini turut dipanjangkan kepada:

7.1. BKKA Tahun 2025 sebanyak RM500.00 turut dipanjangkan kepada individu *Contract for Service* (CFS) yang disetarakan pada grad 15 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 dan telah dilantik sebelum 27 Mac 2025.

7.2. Selain itu, bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 layak dibayar BKKA Tahun 2025 sebanyak RM250.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA atau JHEV dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh UMPSA.

- 7.3. Pegawai CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan atau meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 27 Mac 2025 adalah tidak layak untuk menerima BKKA Tahun 2025 ini.
- 7.4. BKKA Tahun 2025 kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) serta lantikan CFS yang disetarakan di bawah tanggungan belanja mengurus akan dibayar menggunakan sumber dalaman UMPSA namun:
- a) BKKA Tahun 2025 kepada PSH serta lantikan CFS yang disetarakan di bawah tanggungan tabung amanah jabatan akan dibayar menggunakan Tabung Amanah jabatan; dan
 - b) Bagi tujuan pembayaran, jabatan terlibat perlu mengembalikan borang arahan bayaran sebagaimana di **Lampiran 1** kepada Unit Perkhidmatan dan Saraan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar sebelum atau pada **25 Mac 2025 sebelum jam 3.00 petang**. **Lampiran 1** yang diterima selepas tarikh tersebut, bayaran akan dilakukan kepada individu pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

8.0 Pegawai yang tidak layak

- 8.1. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan secara penempatan khas ke Gred Utama/ Gred Khas;
- 8.2. Pegawai yang tidak hadir bertugas secara berterusan tanpa cuti, atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Jabatan, atau tanpa sebab yang munasabah sepanjang tempoh 1 Januari 2025 hingga 27 Mac 2025;
- 8.3. Pegawai yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 27 Mac 2025;
- 8.4. Pesara/ penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah :

- a) Pesara perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran;
- b) Pesara perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik;
- c) Pesara perkhidmatan sebagai Hakim;
- d) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak);
- e) Penerima pencen terbitan Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3 Pengurusan Wang Awam;
- f) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang Pencen/ Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 27 Mac 2025; dan
- g) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

TARIKH PEMBAYARAN

9.0 Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025 ini akan dilakukan pada 27 Mac 2025 dan merupakan tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

TARIKH KUAT KUASA

10.0 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

MAKLUMAT PERTANYAAN

11.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeling ini, mohon dikemukakan kepada:
Unit Perkhidmatan dan Saraan,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar
E-mel Rasmi : saraan.bsm@umpsa.edu.my

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 24 Mac 2025



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

**BORANG AKUAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025
PEKERJA SAMBILAN HARIAN DAN WARGA KERJA LANTIKAN *CONTRACT FOR
SERVICE (CFS)* DI BAWAH TABUNG AMANAH JABATAN**

Selaku Ketua Jabatan di _____ (nama jabatan), saya
_____ (nama Ketua Jabatan) memperaku bahawa
Tabung Amanah jabatan mempunyai baki mencukupi dan bersetuju untuk membuat
pembayaran Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025 dengan kadar
RM500.00 bagi Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan warga kerja di bawah lantikan *Contract
for Service (CFS)* seramai _____ (bilangan warga kerja) orang sebagaimana perincian di
bawah:

Bil.	Nama	Id Pekerja	Jawatan/Gred

Nota: Sekiranya ruangan di jadual tidak mencukupi, sila lampirkan bersama lampiran tambahan.

Tandatangan Pengerusi Tabung Amanah : _____

Cop Rasmi Pengerusi Tabung Amanah : _____

Fakulti/Jabatan : _____

Tarikh : _____



TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (OPERATION)

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. Putrajaya
Malaysia

Tel: 603-88853003
Faks (Fax): 603-88892637
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/4 (52)
Tarikh : 21 Mac 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/

YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana dimaklumi, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, dan pegawai/kakitangan lantikan kontrak.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran BKKA adalah seperti berikut:

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana, Gred 15 dan ke bawah atau setara:
 - a) pegawai lantikan tetap, sementara dan lantikan kontrak [*Contract of Service* (COS) dan Pekerja Sambilan Harian]¹;
 - b) pegawai yang bercuti bergaji penuh²;
 - c) pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - d) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - e) pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya, yang mana BKKA ini akan dibayar oleh agensi yang meminjam pegawai berkenaan.
- (ii) personel MySTEP yang masih berkhidmat;
- (iii) guru interim;
- (iv) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- (v) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.

¹ Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

² Termasuk Cuti Perubatan Khas.

3.2 Di samping itu, BKKA ini dipanjangkan kepada pesara Kerajaan, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM250 seperti berikut:

- (i) pesara Kerajaan yang menerima pencen termasuk pesara pilihan yang belum menerima pencen, penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen, dan pesara skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/ 56/ 58/ 60 tahun), atau bersara atas sebab kesihatan. Pembayaran BKKA akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (ii) veteran berpencen dan tidak berpencen yang mana akan dibayar oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Kementerian Pertahanan Malaysia.

3.3 Bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara dan COS yang masih berkhidmat layak dibayar sebanyak RM500. Pembayaran sebanyak RM250 akan dibuat oleh JPA atau JHEV, dan baki sebanyak RM250 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

3.4 Seterusnya, pegawai yang meninggal dunia pada **27 Mac 2025** layak diberi BKKA sebanyak RM500.

4. Untuk perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, BKKA Tahun 2025 ini akan dibayar pada **27 Mac 2025**, dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran tersebut. Pemberian BKKA ini akan dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

5. Sehubungan itu, tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan dalam surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI)

s.k.:

YBHG. TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

YBHG. DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 10 Blok Tengah
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

YBRS. PUAN NOR YATI BINTI AHMAD

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan No. 1, Persiaran Perdana,
Presint 2
62594 PUTRAJAYA



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

SECRETARY GENERAL OF TREASURY

Kementerian Kewangan Malaysia

Ministry of Finance Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333

Faks : 603-8882 4224

Telex : FEDTRY MA 30242

Web : www.mof.gov.my

Rujukan kami: MOF.600-40/3/3 JLD.2(27)(S)

25 Mac 2025

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/
Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025 KEPADA
INDIVIDU *CONTRACT FOR SERVICE***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 sebanyak RM500.00 kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, dan pegawai/kakitangan lantikan kontrak. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan BKKA Tahun 2025 sebanyak RM500.00 kepada individu *Contract For Service* (CFS) yang menerima kemudahan setara Gred 15 dan ke bawah.

3. Selain itu, bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat layak dibayar BKKA Tahun 2025 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.

4. BKKA Tahun 2025 akan dibayar pada 27 Mac 2025 di bawah tanggungan Kementerian/Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran tersebut.

5. Pemberian BKKA Tahun 2025 ini turut dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

SOALAN LAZIM
BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025

A. PENJAWAT AWAM

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pelaksanaan		
1.	Siapakah yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025?	<p>BKKA Tahun 2025 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 15 dan ke bawah atau setara yang dilantik secara tetap, sementara, <i>Contract of Service</i>¹ dengan syarat pegawai masih berkhidmat pada 27 Mac 2025.</p> <p>BKKA layak diberi kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pegawai yang bercuti bergaji penuh; • pegawai yang bercuti separuh gaji; • pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan • pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. • guru interim; • pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan • pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman. <p>BKKA juga dibayar kepada Personel MySTEP dengan syarat telah dilantik sebelum 27 Mac 2025 dan masih berkhidmat pada 27 Mac 2025.</p>

1. Bagi pegawai di bawah Contract for Service, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
2.	Berapakah jumlah BKKA yang akan dibayar?	<p>BKKA sebanyak RM500 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 15 dan ke bawah termasuk pegawai/ kakitangan lantikan kontrak.</p> <p>Turut dipanjangkan dengan kadar RM250 kepada pesara Kerajaan termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pesara berpencen; • penerima pencen terbitan; • pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara mengikut umur persaraan wajib; • pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen; • veteran berpencen; dan • veteran tidak berpencen.
3.	Bilakah BKKA ini akan dibayar dan jabatan manakah yang bertanggungjawab membuat pembayaran tersebut?	BKKA akan dibayar pada 27 Mac 2025 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.
Pegawai Lantikan Baharu		
4.	Adakah pegawai yang dilantik pada 27 Mac 2025 layak menerima BKKA?	Pegawai yang telah dilantik dan masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 layak menerima BKKA.
Pegawai Lantikan Kontrak (Interim)		
5.	Adakah pegawai Lantikan Kontrak (Interim) layak menerima BKKA?	Layak.
Cuti Perubatan Khas		
6.	Adakah pegawai yang dalam Cuti Perubatan Khas sepanjang tempoh 1 Januari 2025 hingga 27 Mac 2025 layak menerima BKKA?	Layak.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Cuti Separuh Gaji/ Tanpa Gaji		
7.	Adakah pegawai yang cuti separuh gaji/ tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2025 hingga 27 Mac 2025 layak menerima BKKA?	Layak.
Pegawai Peminjaman/ Tukar Sementara		
8.	Adakah pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara ke Gred Utama/ Khas layak menerima BKKA?	Pegawai tidak layak kerana pegawai telah menikmati elaun dan kemudahan atas Gred Utama/ Khas sama seperti pegawai yang sedang memangku Gred Utama/ Khas.
9.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta layak menerima BKKA?	Pegawai layak dan akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam) tertakluk kepada penerimaan agensi dalam surat edaran rujukan JPA.800-3/2/4 (52) bertarikh 21 Mac 2025 .
Pegawai Contract of Service (COS)		
10.	Adakah seorang pegawai lantikan COS layak diberi BKKA sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Mac 2024 hingga 28 Februari 2025 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Pegawai tidak layak kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 27 Mac 2025 .
11.	Adakah seorang pegawai COS yang dilantik pada 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 layak diberi BKKA?	Pegawai layak selagi mana beliau masih berada dalam perkhidmatan pada 27 Mac 2025 .
Personel MySTEP		
12.	Adakah seorang Personel MySTEP yang dilantik bermula pada 2 Januari 2025 dan masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 layak diberi BKKA?	Personel MySTEP layak menerima BKKA Tahun 2025 dengan syarat telah dilantik sebelum 27 Mac 2025 dan masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 .

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
13.	Adakah Personel MySTEP yang dilantik bermula pada 2 Januari 2025 dan tamat kontrak pada 27 Mac 2025 layak diberi BKKA?	Personel MySTEP tidak layak kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 27 Mac 2025 .
Pekerja Sambilan Harian (PSH)		
14.	Adakah PSH yang dilantik di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri layak menerima BKKA?	Tertakluk kepada Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.
Hukuman Tatatertib		
15.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 23 Februari 2025 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi BKKA?	Pegawai layak menerima BKKA.
16.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada 30 November 2024 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2025 layak diberi BKKA?	Pegawai layak menerima BKKA.
17.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman turun pangkat pada 19 Februari 2025 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi BKKA?	Pegawai layak menerima BKKA.
18.	Adakah pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib layak dibayar BKKA?	Pegawai layak menerima BKKA.
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan		
19.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 27 Mac 2025 layak menerima BKKA?	Pegawai layak dengan bayaran sebanyak RM500 dan akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Meletak Jawatan/Berhenti/Ditamatkan Perkhidmatan		
20.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam sebelum atau pada 27 Mac 2025 layak diberi BKKA?	Pegawai tidak layak kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.
21.	Adakah pegawai yang menyerahkan notis peletakan jawatan pada 31 Disember 2024 dan meninggalkan perkhidmatan pada 28 Mac 2025 layak diberi BKKA?	Pegawai layak , kerana pegawai masih lagi dalam perkhidmatan pada 27 Mac 2025 .

B. PESARA KERAJAAN

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pesara		
22.	Siapakah pesara Kerajaan/ penerima pencen yang layak dibayar BKKA Tahun 2025?	<p>Pesara Kerajaan yang menerima pencen di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 yang bersara pada atau sebelum 27 Mac 2025 bagi semua gred di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri; ii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan; iii) Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; iv) Pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/ 56/ 58/ 60 tahun) atau bersara atas sebab kesihatan; dan v) Pesara bersara pilihan yang belum menerima pencen.
23.	Siapakah penerima pencen yang layak dibayar BKKA?	Penerima pencen yang layak adalah penerima pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya, pencen terbitan dan pencen tanggungan, pencen orang tanggungan, elaun tanggungan, elaun bersara dan elaun bersara terbitan sehingga 27 Mac 2025 .
24.	Berapakah jumlah bayaran BKKA yang diterima oleh pesara Kerajaan yang menerima pencen/ pencen terbitan/ pesara Skim KWSP/ veteran berpencen/ veteran tidak berpencen?	Jumlah bayaran yang diterima adalah sebanyak RM250 .

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
25.	Adakah penerima pencen terbitan yang lebih daripada seorang turut layak dibayar BKKA?	Penerima berkenaan layak dan akan dibayar berasaskan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.
26.	Adakah pegawai yang bersara selepas 27 Mac 2025 layak menerima BKKA dengan kadar Penjawat Awam sebanyak RM500?	Pegawai layak kerana pegawai masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 .
27.	Adakah pesara/ penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima BKKA?	Pesara/ penerima pencen yang bermastautin/ menetap di luar negara layak menerima BKKA.
28.	Siapakah pesara/ penerima pencen terbitan yang tidak layak menerima BKKA?	<p>Pesara/ penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pesara perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran; ii) Pesara perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik; iii) Pesara perkhidmatan sebagai Hakim; iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak); v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3 - Pengurusan Wang Awam; vi) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 27 Mac 2025; dan vii) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
29.	Adakah pesara yang bersara atas dasar penswastaaan atau pengkorporatan layak dibayar BKKA?	Layak sekiranya mereka adalah penerima pencen.
Pesara dan penerima pencen terbitan yang meninggal dunia dalam persaraan		
30.	Adakah pesara yang meninggal dunia sebelum atau pada 27 Mac 2025 layak diberi BKKA?	Layak dan akan dibayar kepada Penerima Pencen Terbitan sebanyak RM250.
Veteran/ Pesara yang dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam		
31.	Adakah veteran/ pesara yang dilantik semula secara tetap, sementara, COS atau CFS dan masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 layak BKKA?	Layak dibayar BKKA sebanyak RM500 Pembayaran sebanyak RM250 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan baki RM250 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
31.	Sekiranya pesara berkenaan mempunyai rekod di JPA dan juga di JHEV, jabatan manakah yang akan membayar BKKA kepada pesara tersebut?	BKKA akan dibayar oleh JPA dengan kadar sebanyak RM250.